

PILIHANRAJU SEKAT MAMAM PAS

KOTA BHARU.— Barisan Nasional di Kelantan perlu mengambil langkah-langkah segera untuk menyekat kemaraan pengaruh PAS yang semakin meluas sekarang jika mahu mengekalkan kuasanya di negeri itu.

Kemampuan PAS merobut 10 dari 38 kerusi Dewan Undangan Negeri itu dalam pilihanraya yang baru lalu, haruslah menjadi amaran kepada Barisan tentang kemungkinan keterbalkan sejarah pilihanraya 1978, kata para pemerhati politik di sini.

Dalam tahun 1978, PAS yang telah menguasai Kelantan sejak tahun 1950 menentang pakatan paling terdahulu dengan hanya memenangi pertembungan dua kerusi Negeri dan dua kerusi Parlimen.

Kejatuhan PAS itu, bukan saja kerana meletusnya krisis politik pimpinan parti tersebut di akhir tahun 1977, tetapi juga kerana usaha-usaha ghib UMNO sendiri khususnya dan BN amnya untuk merobut kembali pengaruhnya.

Dalam 1985 PAS menguasai 20 dari 20 kerusi Negeri dan sembilan dari 10 kerusi Parlimen Kelantan. UMNO hanya memenangi satu kerusi Negeri dan satu kerusi Parlimen sementara MCA memenangi satu kerusi Negeri.

Maju

Gabungan UMNO dan MCA dalam Perikatan ketika itu maju setapak lagi pada pilihanraya 1984 dengan memenangi sembilan kerusi Negeri menyebarkan merosotnya kerusi PAS kepada 21 buah. Bagi kerusi Parlimen, bilangan untuk UMNO bertambah kepada dua dan PAS merosot kepada lapan.

Usaha Perikatan yang tidak pernah mati untuk mencapai matlamat menguasai Kelantan terus menampakkan harapan yang lebih cerah pada 1989 apabila ia

menang 11 kerusi Negeri dan empat Parlimen. Keputusan pilihanraya 1974 tidak boleh dijadikan ukuran perbandingan kerana PAS dan UMNO sama-sama bertanding sebagai komponen Barisan Nasional untuk 36 kerusi Negeri dan 12 kerusi Parlimen yang disuap berahi.

Pembahagian kerusi antara parti-parti komponen pada masa itu ialah PAS 22, UMNO 13 dan MCA satu bagi kerusi Negeri dan PAS tujuh, UMNO lima bagi kerusi Parlimen.

Bagaimanapun PAS telah berpisah dari Barisan Nasional kerana krisis berhubung dengan langkah anggota-anggota Dewan Negeri dari parti itu hendak meninggalkan Menteri Besar, Datuk Haji Mohamad Nasir, akhir 1977.

Tunjuk perasaan dan rusuhan kemudian berlaku di seluruh Kelantan membanteras tindakan tidak berpuas hati terhadap Datuk Haji Mohamad Nasir oleh Geng 20 wali kumpulan walit rakyat PAS itu.

Darurat diisytiharkan oleh Kerajaan Pusat pada 11 November 1977 dan Dewan Undangan Negeri Kelantan digantung. Pentadbiran negeri diletak di bawah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN).

Apabila undang-undang darurat ditarik balik pada 12 Februari 1978, Dewan Undangan Negeri yang digantung itu terus dibubarkan kesukan barunya dan sebulan kemudian pilihanraya negeri diadakan.

PAS yang bertanding menentang gabungan UMNO, MCA dan sebuah parti baru yang ditubuhkan oleh Datuk Haji Mohamad iaitu Berjasa, menerima kekalahan paling teruk dengan hanya mendapat dua kerusi Negeri dari 36 yang diperkatakan.

PAS mendakwa kekalahananya itu berpun-

ca dari ketiadaan kesempatan pemimpin-pemimpinnya membea diri di atas tuduhan dan pendebatan yang dibuat oleh Datuk Haji Mohamad Nasir dan sepihakannya oleh UMNO, kerana hengkalkannya undang-undang darurat dan pengharapan rapatriat umum.

Sebenarnya, kata para pemerhati itu, PAS lupa mengambil kira faktor yang paling besar ialah kegigihan UMNO sendiri khususnya dan Barisan Nasional amnya untuk merampas Kelantan dari pembangkang.

Gigih

UMNO secara perlahan-lahan meluaskan pengaruhnya termasuk memperkemuka jentera parti di semua peringkat, meletakkan tokoh-tokoh yang sedang untuk melawan calon-calon PAS dalam setiap pilihanraya serta merilatkan Tengku Razaleigh Hamzah, seorang ahli politik yang berkualiti untuk mengauti UMNO negeri itu.

Satu lagi faktor yang secara tidak langsung turut membantu UMNO ialah pendebatan yang dibuat oleh Datuk Haji Mohamad Nasir tentang "penyelewengan" yang dilakukan oleh para pemimpin PAS. Undi yang diperoleh oleh PAS dalam pilihanraya 1978 itu disifatkan oleh para pemerhati sebagai mengecewakan kerana bahawa "parti itu hanya menunggu saat-saat kematiannya."

Ada di antara para pemimpin UMNO yang menyindir PAS dengan menisitkan dua orang calonnya yang menang itu sebagai "batu nisan" PAS yang letaknya di utara (Serang) dan selatan (Manik Ural).

Kedua-dua orang calon PAS itu, Haji Nik Abdullah Arshad di



● MENTERI KEWANGAN, Tengku Razaleigh Hamzah disambut mesra penyokong-penyokong BN ketika berkeputusan dalam pilihanraya baru-baru ini



● KEMENANGAN Datuk Mohamed Yaakob di kerusi Negeri kawasan Lanas dalam 1978

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia